

18 FEB 2001

Mahathir-Iraq

DR MAHATHIR KUTUK SERANGAN AS DAN BRITAIN KE ATAS IRAQ

SHAH ALAM, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini mengutuk serangan udara Amerika Syarikat (AS) dan Britain ke atas Iraq Jumaat lepas.

"Saya berasa sedih (terhadap serangan itu) kerana saya punyai harapan besar dengan kerajaan baru Amerika Syarikat," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemberita di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan baru AS di bawah Presiden George W. Bush sepatutnya diberi masa mengkaji dasar kerajaan lama berhubung isu Iraq.

Apa yang lebih menyedihkan beliau ialah kononnya serangan itu dilancarkan atas sebab-sebab kemanusiaan.

"Tapi mereka (AS) dan Britain telah melancarkan serangan ini yang jelas menyebabkan kecederaan dan kematian orang awam, bukan askar.

"Saya tidak tahu kalau bunuh orang itu adalah kemanusiaan," katanya ketika diminta mengulas mengenai jet pejuang AS dan Britain yang dilaporkan telah mengebom kawasan sekitar Baghdad, ibu kota Iraq menyebabkan dua terbunuh dan 20 orang awam cedera.

Sementara itu, apabila ditanya mengenai cadangan untuk menaikkan tarif air, Dr Mahathir berkata ia tidak dapat dielakkan kerana mengikut trend kenaikan harga barangan lain.

"Semua benda lain naik harga tapi air tidak naik harga, jadi nampak tak kenalah," katanya.

Kenaikan tarif air itu juga adalah selaras dengan kenaikan gaji, kata Dr Mahathir merujuk kepada kenaikan 10 peratus gaji kakitangan awam pada tahun lalu.

Ketika diminta mengulas mengenai dividen yang disifatkan sebagai rendah iaitu sebanyak lima peratus yang diterima oleh penyimpan Tabung Haji, Dr Mahathir berkata ia adalah lumrah satu entiti perniagaan seperti Tabung Haji yang melabur dan mendapat keuntungan dan kerugian.

"Oleh kerana itu tahap dividen yang diterima ini hendaklah diterima. Jadi ini kita kena terima," katanya.

Beliau berkata: "Bila kita berniaga kita tidak boleh harap pendapatan yang tetap. Jika pendapatan tetap ia akan jadi riba."

Ditanya sama ada perlu atau tidak penasihat dilantik untuk memantau keuntungan atau kerugian Tabung Haji dalam pelaburannya, Dr Mahathir berkata: "Kita ada juruaudit dalaman dan juruaudit luar. Orang ini profesional."

Ketika diminta mengulas mengenai pengaruh filem Hindi yang dikatakan membawa keruntuhan akhlak di kalangan keluarga Melayu Islam, beliau berkata, satu kajian mendalam atau secara akademik perlu untuk melihat perkara ini.

-- BERNAMA

RIZ NM ZS AKD